

# GATATAN SEPANJANG SUNGAI MUAR

APB 867867

08 JUL 1997

NASKHAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Oleh

Haji Aris Bin Haji Md. Tahir  
( Persatuan Sejarah Malaysia  
Kawasan Muar )

M.  
Azizah  
24/7



Terbitan  
Jabatan Pengairan dan Saliran  
Negeri Johor

## PENDAHULUAN

Ekspedisi Sungai Muar merupakan salah satu aktiviti yang telah dirancangkan di bawah kempen "CINTAILAH SUNGAI KITA". Ini adalah Ekspedisi kedua yang dijalankan di Negeri Johor oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor setelah Ekspedisi Sungai Endau pada 3hb Julai 1993.

Fokus utama Ekspedisi ini ialah untuk mengkaji dan mendalami aspek-aspek kebudayaan dan sejarah yang banyak berlaku di sepanjang Sungai Muar sejak dahulu lagi terutamanya di zaman kejatuhan Empayar Kesultanan Melaka dimana Sungai Muar merupakan laluan air yang utama di dalam pentadbiran dan perkembangan Bandar Muar, pekan dan kampung serta kegiatan ekonomi dan lain-lain adalah tertumpu di sini.

Sehubungan itu satu kerjasama telah dibentuk di antara Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor dengan Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Muar untuk menerbitkan sebuah buku "Catatan Sepanjang Sungai Muar" dengan tujuan agar orang ramai dapat mengenal dan mengekalkan kesan sejarah yang terdapat di sepanjang Sungai Muar di samping memupuk semangat untuk menjaga dan mencintai Sungai Muar agar keindahan dan keunikannya berkekalan sepanjang masa.



## GATATAN PENULIS

**Buku** kecil ini sekadarnya mencatatkan serba sedikit secara ringkas mengenai kesan-kesan sejarah yang terdapat di sepanjang Sungai Muar yang telah berusia berabad-abad, yang sewajarnya diketahui oleh generasi masa kini.

Namun ianya hanya jejak-jejak yang sekadarnya sebagai nostalgia dan kenangan tetapi sewajarnya dimanfaatkan sebagai kesan sejarah yang bermakna bagi asas pembangunan yang lebih pesat dan dapat menanamkan semangat jati diri yang lebih kental.

Sekadar satu catatan awal, buku kecil ini merupakan sekelumit wadah bagi dikecapi dan rasanya amat baik sekali bagi dijadikan tapak yang kukuh dalam usaha-usaha yang lebih bermakna terhadap pembangunan bangsa, nusa dan agama tercinta ini.

Buku ini ialah catatan ringkas sejarah di sepanjang persisir Sungai Muar yang diharapkan menjadi usaha awal bagi menulis dan merakamkan satu usaha yang lebih bermakna untuk menarik perhatian semua pihak supaya dapat menghargi sungai dan segala khasanah yang terakam dan tersirat yang amat bernilai itu.

Catatan ini sekiranya terdapat beberapa kesilapan dan tidak jelas faktanya adalah dipohon kemaafan jua. Diharapkan catatan ini menjadi tatapan yang berharga bagi dijejaki dari masa kesemasa.

Sekian.


Haji Aris Bin Haji Md. Tahir  
135 Jalan Sultanah,  
Tanjung Ketapang,  
Bandar Maharani, Muar.

4 Zulhijjah 1416  
22 April 1996

## KANDUNGAN

ISI	MUKASURAT
1. Peta Sungai Muar	1
2. Muar Sebelum Bernama	2
3. Bangunan Bersejarah Di Muar	3
4. Kubu Bentayan	4
5. Pengkalan Tiram	4
6. Bukit Terih	5
7. Biawak Busuk dan Kota Buruk	6
8. Tanjung Selabu	7
9. Sungai Mati dan kawasan sekitarnya	8
10. Jorak dan Pengkalan Bukit	8
11. Panchor dan Brohol	9
12. Pagoh	9
13. Kuala Sungai Pagoh	10
14. Pengkalan Kota	10
15. Gersik	11
16. Liang Batu	11
17. Lenga	12
18. Bukit Kepong	13
19. Nota Tambahan	14 - 16

## PETA SUNGAI MUAR



## MUAR SEBELUM BERNAMA


**N**ama Muar sebelum bernama Muar dikenali dengan nama Teluk Dalam, namanya bertukar menjadi namanya yang ada sekarang sejak Belanda mengadakan hubungan dagang di Nusantara.

Nama Teluk Dalam digunakan kerana kuala sungainya yang dalam dan mudah kapal-kapal berlabuh untuk mendapatkan beberapa hasil berharga terutamanya rempah-ratus dan juga emas yang dewasa itu banyak terdapat di kaki Gunung Ledang.

Di kuala Sungai Muar iaitu di Tanjung Ketapang (kini Tanjung Emas) terdapat sebuah pelabuhan dan kota yang sibuk dan menjadi tumpuan para pedagang dari seluruh pelusuk dunia.

Dalam sejarah Belanda dan Portugis Muar telah disebut sebagai kawasan yang kaya dan menjadi tumpuan perdagangan mereka.

Parameswara yang membuka Melaka sebelum sampai ke Melaka, sebelumnya telah lebih dulu menjajakkan kakinya di Muar, ditempat bernama Kota Buruk dan Biawak Busuk, terletak tidak jauh dari kuala sungai Muar, di pesisir sungai.



Peta Muar menurut kaca mata Belanda pada tahun 1604.  
Peta ini menunjukkan di kualanya terdapat sebuah pelabuhan.

## BANGUNAN-BANGUNAN BERSEJARAH DI MUAR

**T**erdapat beberapa bangunan bersejarah yang dibina oleh pembangunan Johor Moden di bawah pemerintahan Al-Marhum Sultan Abu Bakar, yang bergelar 'Bapa Johor Moden' itu.

Bangunan yang dibina sekitar tahun 1880an itu mempunyai gaya bentuk dan konsep Neo-Classical dengan ciri-ciri 'seragam indah', banyak dibangunkan di tepi pesisir sungai Muar, antaranya ialah masjid, bangunan kerajaan, mahkamah, pejabat kastam, pelabuhan, pasar dan lain-lain.

Bangunan Masjid Jamek Bandar Maharani Muar, yang kini dinamakan Masjid Jamek Sultan Ibrahim, dibina pada tahun 1925 dan mula digunakan pada tahun 1930. Masjid ini direka bentuk oleh Dato Haji Mohd Said Haji Sulaiman manakala pelannya dilukis oleh Sulaiman Haji Alias.

Bangunan Kerajaan bernama Bangunan Sultan Abu Bakar sungguh unik bentuknya, dibangunkan pada tahun 1927. Bangunan pelabuhan Muar yang kini dijadikan Pejabat Kastam dan Eksais dibina tahun 1909.

Bangunan Istana Muar juga terdapat di pesisir Sungai Muar, yang dibina pada tahun 1885, bangunan Sekolah Tinggi Muar dibina pada tahun 1904 dan seterusnya di tepi sungai ini juga terdapat Bangunan Mahkamah Muar. Bangunan ini dikenali sebagai 'Balai Kuning' yang digunakan oleh Sultan Abu Bakar sebagai dewan tetamu sewaktu baginda berangkat ke Muar. Bangunan ini telah dijadikan sekolah Inggeris pertama di Muar mulai tahun 1904.

Bangunan lama yang masih terdapat di tepi sungai Muar ini ialah bekas bangunan pasar awam Muar, yang kini dijadikan perhentian bas Pagoh.



Pemandangan di Kuala Sungai Muar

## KUBU BENTAYAN

Tidak jauh dari pasar lama itu terdapat sebuah bekas kubu dinamakan Kubu Bentayan, ianya satu-satunya kesan sejarah lama sebagai benteng pertahanan Sultan Melaka ketika diburu oleh Portugis pada tahun 1511 sebelum baginda terus mlarikan diri ke hulu Muar dan terus ke Pahang.

Ramai para pahlawan Melaka tewas dan gugur di kubu ini yang dikatakan berperang secara berdepan-depan dan berbantai-bantai yang kemudiannya kubu ini dikenali Kubu Bentayan daripada perkataan berbantai-bantai. Bersempena sambutan 100 tahun Muar pada bulan Ogos 1984 satu papan tanda telah diletakkan di kawasan kubu ini.



Gambar Kubu Bentayan  
sekarang di tepi  
Sungai Bentayan  
Jalan Salleh, Muar


## PENGKALAN TIRAM

Tiram yang sungguh berkhasiat terdapat banyak di Kuala Sungai Muar terutama di pesisir sungainya.

Kawasan yang banyak terdapat tiram ialah di sepanjang pesisir sungai dari kuala sungainya hingga ke Pengkalan Tiram.

Tiram yang terkenal yang didapati sungguh enak dan terkenal sejak beberapa masa lampau, ianya diselam oleh nelayan-nelayan di sini secara turun-temurun.

Tetapi sayang sekali hasil hidupan laut itu kini telah hampir-hampir pupus, termasuk 'sinting' yang sudah pupus sama sekali.



Gambar Kuala  
Sungai Tiram Muar

**Kisah** lagenda ' Tanggang ' atau ' Lang Makaku ', yang terkenal itu ada kaitannya dengan Bukit Terih ini yang di pinggir sungai Muar.

Kisah seorang anak miskin yang tidak mengaku ibunya sendiri setelah anak miskin itu berjaya menjadi saudagar dan dapat mengahwini seorang puteri raja, anak miskin ini pulang dengan kejayaan ke tempat asalnya dengan sebuah angkatan lantas berlabuh di situ dan di datangi oleh ibu kandungnya sendiri, tetapi dia tidak mengaku ibunya yang hodoh.

Legenda ini sudah lama menjadi buah mulut penduduk setempat, dan bukit yang berupa jong itu adalah sumpahan daripada ibu Si Tanggang. Tanggang yang menderhaka terhadap ibunya menjadi seekor burung helang.

Apa yang lebih menarik lagi, bahawa dikatakan pada satu ketika dulu penduduk dapat meminjam pinggan mangkuk apabila hendak mengadakan kenduri-kendara daripada sebuah gua di bukit ini, tetapi, kini keadaan ini hanya menjadi buah mulut sahaja dan keadaan ini tidak lagi berlaku dewasa ini. Kenapa ?

Dahulu Bukit Terih merupakan tempat penampungan air yang disalurkan dari Gunung Ledang untuk kegunaan penduduk Muar tetapi kini, air yang digunakan oleh penduduk Muar datangnya dari Sungai Muar.



Gambar Pemandangan  
Bukit Terih

## TANJUNG SELABU

**S**ebuah perkampungan dan penempatan di pinggir Sungai Muar menjadi tumpuan pembukaan kawasan baru di tepi Sungai Muar di sebelah utara Mtar.

Kawasan ini terletak tidak jauh daripada Biawak Busuk dan Kota Buruk dan menyeberangi sungai Muar. Kawasan ini bersambung dengan Sungai Mati dan kawasan sekitarnya.

Satu tragedi pernah berlaku di pengkalan sungai kampung ini beberapa tahun lalu. Sekumpulan murid sekolah telah dihanyutkan arus ketika hendak menyeberangi sungai untuk ke sekolah. Pagi yang hening itu telah menyaksikan perahu yang dikayuh mereka dihanyutkan arus deras sungai ini.



*Gambar pengkalan yang terdapat di Tanjung Selabu*



*Tanah Perkuburan Islam Tanjung Selabu*

## SUNGAI MATI DAN KAWASAN SEKITARNYA

**Sungai** Muar yang mempunyai liku-liku dan berkelok dengan diselangi oleh tanjung, teluk dan serukan juga mempunyai anak-anak sungai yang banyak hingga ke hulunya sehingga ke Negeri Sembilan yang terkenal dengan mana kawasan Hulu Muar.

Keunikan sepanjang pesisir sungai ini menjadikan pada setengah-setengah tempat seakan-akan bercantum; antaranya ialah di kawasan Sungai Mati.

Di kawasan ini terdapat beberapa buah kampung dan penempatan antaranya ialah kawasan Pulau Penarik, iaitu satu-satunya kawasan yang terkenal dengan sawah padi yang subur dan kini agak kurang diusahakan.

Sungai Muar yang berliku-liku itu terdapat beberapa kawasan penempatan seperti Pantai Layang, Rawang dan lain-lain. Di Pantai Layang terdapat satu kawasan tanah perkuburan lama yang dikatakan terdapat perkuburan orang Bugis daripada keturunan Pahlawan Melayu Bugis Lima Bersaudara yang pernah menguasai Alam Melayu pada satu ketika lalu di Nusantara.



Gambar rumah Kediaman Yang Amat Berhormat Dato' Hj. Abd. Ghani Bin Othman, Menteri Besar Johor di Pekan Sungai Mati

## JORAK DAN PENGKALAN BUKIT

**Jorak** terletak di pinggir Sungai Muar ini merupakan sebuah penempatan yang terkenal dengan hidupan ikan sungai yang terkenal di samping buah-buahan dan kisa 'jong' yang berupa merak bagi nama tempat ini.

Kawasan ini seperti juga Pengkalan Bukit yang tidak jauh dari Jorak terdapat rumah-rumah 'kangchu' bagi kuli-kuli Cina yang mengerjakan ladang tanaman rempah seperti gambir dan lada hitam. Gambir yang banyak ditanam dan diusahakan di kawasan ini adalah dengan titah Al-Marhum Sultan Abu Bakar.

## PANGHOR DAN BROHOL

**Pekan Panghor** penempatan tradisi di pinggir-pinggir sungai, ada sebuah pengkalan dibina di sini. Pada tahun 1761 Temenggung Engku Buruk menjadi Temenggung Muar, kuburnya terdapat di Kampung Bunga Tanjung hilir sedikit dari Panghor ini.

Kawasan ini banyak terdapat tanaman rempah dan kangkar Cina, kangkar yang terkenal bernama ' Kangkar Beringin ' - terdapat orang Bugis dan Jawa di kawasan ini. Pada tahun 1925 terdapat kemudahan-kemudahan balai polis, mahkamah, pejabat pos dan majlis perbandaran bagi kawasan hulu Muar berpusat di sini.

Kawasan ini terdapat pelbagai tanaman dan kaya dengan hasil pertanian dan namanya berasal air terjun yang terletak tidak jauh di situ bernama daripada Panghor Gemuruh.

Tidak jauh dari Panghor terdapat sebuah takungan air di Bukit Setaki yang airnya dari Sungai Muar dan hingga kini takungan air ini digunakan sebagai sumber air yang digunakan oleh sebahagian besar penduduk Muar.

Sebuah ladang getah bernama Ladang Getah Brohol terdapat di kawasan ini mengambil sempena pengurus ladang itu bernama Brutohall.

Tempat ini kini adalah pintu masuk bagi kawasan Pagoh yang menjadi rangkaian lebuh raya ke beberapa kawasan seperti Bukit Pasir, Lenga dan lain-lain.

## PAGOH

**Pagoh** maksudnya ' bagus ' mengikut Bahasa Melayu Tua. Ianya di buka oleh Dato' Bendahara Wan Sulaiman dari Kota Tinggi tahun 1707.

Anak Dato' Bendahara Wan Sulaiman bernama Dato' Bentara Hassan (Tok San) menggantikannya.

Penduduknya terdiri daripada orang Jawa dan Minangkabau.

Pagoh adalah asas penempatan kawasan hulu Muar dengan beberapa kesan sejarah silam yang menjadikan sungai Muar sebagai penghubung utama dengan Empayar Kerajaan Melayu Melaka.



Gambar makan  
Sultan Alauddin Riayaat  
Shah (I) di Kampung  
Raja Pagoh, Muar.

## KUALA SUNGAI PAGOH

**Merupakan** salah satu tempat terpenting yang mempunyai kaitan rapat dengan kerajaan Empayar Melayu Melaka.

Terletak di pinggir sungai terdapat sebuah kubu terbuat daripada tanah, kini hanya terdapat kesan-kesananya sahaja. Kubu ini adalah kubu terakhir angkatan Melaka apabila diserang oleh Portugis pada tahun 1511.

Kubu ini terletak di kuala Sungai Pagoh dan terdapat sebuah lagi kubu yang disebut sebagai Kubu Malini di satu kawasan tidak jauh dari kubu tersebut.

Terdapat sebuah perkuburan di kawasan ini yang dikenali dengan pusara Pahlawan Mat Berani, yang dikatakan salah seorang pahlawan Melayu dari Pahang yang datang membantu angkatan Sultan Melaka bagi mempertahankan kawasan itu, tetapi, telah kecundang dan telah di kuburkan di situ.

Sungai Pagoh yang jaraknya kira-kira dua kilometer dari Kuala Pagoh terdapat Makam Sultan Alauddin Riaayat Shah (1), yang di makamkan di pinggir Sungai Pagoh bersama adindanya yang terkenal kepada penduduk setempat Al-Marhum Berdarah Putih. Keduaduanya mangkat di situ dan dimakamkan di tanah perkuburan kawasan masjid Jamek Kampung Raja.

Sultan Alauddin ialah sultan Melaka yang memerintah Melaka 1477-1488, merupakan salah seorang raja Melaka yang tegas menjalankan tugasnya dan baginda sendiri dikatakan berkawal menghapuskan perompak lanun yang mengganas di Melaka semasa pemerintahannya.

Satu batu peringatan telah dibina oleh pihak Muzium Negara telah dirasmikan makam ini dalam satu upacara penuh khusuk pada tahun 24 Disember 1971.

## PENGKALAN KOTA

**Satu** penempatan di pinggir sungai yang pada suatu ketika pernah di perintah oleh beberapa Temenggung Muar. Sebagai wakil raja peranannya ialah untuk memungut cukai dan hasil tanaman di kawasan sekitarnya.

Kawasan-kawasannya ialah seperti Bukit Serampang, Penchu, Kundang Ulu, Durian Chondong dan Liang Batu.

Pernah ditemui sebuah 'Dongson' yang berusia beratus-ratus tahun di kawasan ini yang diagukkan peninggalan Kerajaan Ming. Penemuan ini adalah bukti perhubungan Melaka dengan China dalam kurun ke tiga belas.

**N**ama Gersik bermaksud pasir kasar atau pasir sungai. Gersik pada beberapa zaman lampau mengeluarkan hasil emas dan ramai yang datang mendulangnya. Setelah emas tiada lagi didapati, mereka hanya dapat mendulang pasir sahaja, dan mereka mempersendakan sungai tersebut sebagai Sungai Gersik !

Sebuah pengkalan lama terdapat di tebing sungai di pekan yang boleh menghubungkan dengan pekan Panchor. Beberapa penghulu Gersik yang terkenal ialah Orang kaya Montil, Penghulu Omar Bin Abidin dan Penghulu Orangkaya Haji Abdul Aziz Bin Abu Bakar.

Sebuah kilang getah kepunyaan RISDA pernah di buka di sini dan kini masih berfungsi sementara itu tanah persawahan yang luas tidak jauh daripada tempat ini ialah Sawah Sungai Ring, yang diterokai pada mulanya oleh Orangkaya Cekah.



*Gambar jeti  
Pekan Gersik, Muar.*

### **LIANG BATU**

**K**awasan sungainya agak merbahaya, banyak batu-batan yang besar-besar dan sesiapa yang lalu-lalang di kawasan ini terpaksa berhati-hati.

Terdapat banyak buaya ganas di kawasan ini dan berlaku peristiwa beberapa orang yang mati hilang entah ke mana kerana dibaham buaya ganas di kawasan ini.

Ada sebuah pengkalan batu di sini untuk menyeberang ke Kundang Ulu dari kawasan ini.

Penduduk asal tempat ini selain dari Jawa tetapi juga datang dari Bugis. Di kawasan ini terdapat satu kawasan tanah perkuburan dikatakan perkuburan untuk keturunan Bugis.

Lagenda Sang Kelembai yang terkenal dengan kegagahannya memang diketahui oleh penduduk setempat. Legenda ini ialah mengenai satu kisah tentang hidup Sang Kelembai yang mempunyai tubuh yang sasa dengan kegagahannya yang luar biasa telah berjaya mengamankan kawasan ini daripada gangguan perompak lanun yang ketika itu bermaharajalela di kawasan hulu Muar.

**Sebelum** negara mencapai kemerdekaan Lenga pernah menjadi sebuah daerah kecil yang mempunyai pelbagai kemudahan termasuk pejabat-pejabat tanah, pos, bomba, balai polis bagi kemudahan penduduk sekitarnya seperti Bukit Kepong, Liang Batu, Kundang Ulu dan Durian Chondong.

Pekan Lenga di pinggir sungainya mempunyai sebuah pengkalan yang di anggap penting di kawasan hulu Muar, yang membawa gambir, lada hitam dan kayu-kayu dengan dua buah kapal ulu bernama ' Pulai ' dan ' Sayang '. Kapal-kapal itu bertambah bilangannya sehingga sepuluh buah, kapal-kapal itu ialah Setella, Roma, Riaw, Joang Tuan, Jong Chau, Ong Mit, Teo An dan Chu Hong.

Kapal ini juga telah dijadikan kapal tambang untuk penduduk-penduduk Muar ke Singapura dan ke Johor Bahru. Perkhidmatan kapal ini tamat sehingga sebatang jalan raya dibina antara beberapa tempat di hulu Muar.

Seorang ulama terkenal Allahyarham Kiayi Haji Fadhil, yang pada suatu ketika pernah menjadi pegawai agama di istana Sultan Johor telah disemadikan di pekarangan masjid Jamek Lenga ini. Manakala anaknya Orang Kaya Haji Abdul Hamid Fadhil dikebumikan di sebelah kubur ayahandanya. Orang Kaya Haji Abdul Hamid seorang penghulu terkenal di negara ini, Allahyarham juga terkenal sebagai seorang pengarang dan pensyarah yang disegani. Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Undangan Negeri Johor sebelum negara mencapai kemerdekaan. Seterusnya beliaulah yang telah berusaha mewujudkan Kampung Sentosa bagi usaha menempatkan penduduk kaum asli di sebuah perkampungan yang tersusun dan moden.



*Gambar Perkeburan  
Allahyarham Kiayi Haji Fadhil  
terletak di pekarangan masjid  
Jamek Lenga Muar*

## **BUKIT KEPONG**

**B**alam rentetan sejarah negara satu trajedi yang menggemparkan pernah berlaku di sini, iaitu peristiwa Bukit Kepong diserang oleh pengganas komunis pada 23 Februari 1950.

Peristiwa zaman darurat ini berlaku telah mengorbankan sebanyak 25 nyawa anggota polis dan isteri-isteri mereka. Mereka yang terkorban telah disemadikan di tanah perkuburan di sini.

Bukit Kepong pernah terkenal dengan lombong bijih besinya sekitar tahun 1954-1964. Hasil bijih ini dibawa ke Singapura dengan kapal-kapal besi.

Pada tahun 1895 kerajaan Johor pernah menempatkan Pejabat Daerah di sini, tetapi pada tahun 1917 telah di tutup dan pentadbirannya telah dipindahkan ke Lenga.

Seperti di kawasan-kawasan lain, di hulu Muar Bukit Kepong kaya dengan hasil pertanian dan mempunyai ' kangchu ' yang mengerjakan hasil tanaman rempah seperti cengklik, lada hitam, gambir dan lain-lain.

Tarian ' ceracap ' merupakan sejenis tarian kebanggaan penduduk setempat dan menurut satu kajian yang pernah dilakukan terdapat sejenis dialek penuturan bahasa Melayu yang agak berbeza diucapkan oleh penduduk di sini.

Bukit Kepong yang tidak jauh dari Segamat dan Jementah, kini membangun bersama-sama dengan wawasan bangsa.



*Gambar perkuburan mangsa-mangsa yang terkorban dalam peristiwa Bukit Kepong.*

## PENGENALAN

**T**erletak dikawasan paling selatan Semenanjung Malaysia, Johor adalah salah sebuah negeri yang telah mengalami pembangunan yang pesat di Malaysia. Dengan keluasan hampir 19,000 km persegi, ia adalah kawasan yang paling kaya dengan bahan mentah seperti getah, kelapa sawit, nenas dan hasil barang berdasarkan kayu dan hasil dari pada industri perkilangan.

Di negeri Johor terdapat banyak sungai. Antara sungai-sungai utama ialah seperti Sungai Endau, Sungai Johor, Sungai Batu Pahat, Sungai Muar, Sungai Pontian, Sungai Skudai, Sungai Lemba, Sungai Tebrau, Sungai Pulai dan Sungai Sedili Besar. Negeri Johor mempunyai kawasan yang agak rata berbanding dengan negeri-negeri lain. Hampir keseluruhan kawasan negeri Johor terletak di kawasan tanah pambah, dan kemuncak yang paling tinggi ialah Gunung Ledang.

Sungai merupakan sumber asli yang penting di Malaysia. Ia telah menjadi nadi pengangkutan utama pada zaman dahulu. Namun disebabkan oleh arus permodenan, kepentingannya sebagai jalan perhubungan semakin dilupakan. Selain daripada itu sungai juga merupakan tempat tumpuan orang ramai untuk berkelah atau berekreasi. Di Negeri Johor terdapat beberapa buah kawasan rekreasi yang berasaskan sungai. Antara sungai-sungai yang menjadi tumpuan para pelancong ialah Air Terjun Gunung Ledang, Air Terjun Bukit Ma'Okil, Air Terjun Bekok, Air Terjun Gunung Pulai, Air Terjun Kota Tinggi, Air Terjun Ulu Sungai Yong, Jeram Gunung Belumut, Air Terjun Upih Guling dan AirTerjun Buaya Sangkut.

Seperti sungai-sungai yang lain di Semenanjung Malaysia, Sungai Muar juga mempunyai banyak spesies tumbuhan dan juga haiwan (termasuk burung dan ikan).

### Flora

Sungai Muar telah mengalami banyak perubahan vegetasi berbanding pada masa lalu. Banyak kawasan di tepi sungai tersebut telah diteroka dan digunakan untuk pertanian atau untuk penempatan. Keadaan ini telah mengubah vegetasi asal disekitar sungai tersebut. Namun begitu di sesetengah kawasan masih terdapat lagi beberapa spesies tumbuhan asal yang memang wujud di kawasan tersebut. Kewujudan setiap spesies tumbuhan disepanjang Sungai Muar banyak dipengaruhi oleh keadaan air pasang-surut dan juga aliran sungai. Antara spesies tumbuhan yang boleh dijumpai disepanjang Sungai Muar adalah seperti :-

## Bakan

Di Malaysia, terdapat 17 spesies pokok bakau. Bakau tergolong dalam famili Rhizophoraceae. Bakau mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam menstabilkan ekosistem. Bakau mempunyai banyak fungsi dan setiap fungsi ini memainkan peranan yang penting terhadap kesstabilan ekosistem pesisiran pantai atau sungai. Hutan bakau bukan sahaja bertindak sebagai penahan hakisan, ia juga bertindak sebagai tempat tinggal dan kawasan pembiakan dan tempat mencari makanan bagi hidupan akuatik seperti ikan, udang, ketam dari sebagainya. Selain daripada itu, bakau (hutan bakau) juga merupakan tempat tinggal bagi burung-burung dan juga haiwan lain.

Disamping berfungsi untuk menstabilkan ekosistem, bakau juga penting untuk sumber ekonomi. Pokok bakau iaitu bakau kurap dan bakau minyak adalah dua spesies yang mempunyai nilai komersial yang tinggi berbanding dengan semua spesies bakau yang lain. Kebanyakkan pokok bakau digunakan untuk membuat arang dan juga untuk kayu jaras (kayu cerucuk) untuk kegunaan industri pembinaan). Di kawasan perkampungan nelayan, pokok bakau juga digunakan untuk membuat jeti atau digunakan dalam penangkapan ikan. Ini adalah kerana ia tahan dalam keadaan air masin.

## Nipah

Nipah (*Nypa fruticans*) adalah salah satu spesies palmae yang menduduki kawasan yang mengalami keadaan air masin. Ia terdapat dalam kelompok-kelompok, dan biasanya satu kelompok mempunyai bilangan yang banyak disepanjang sungai (kiri atau kanan). Nipah mempunyai buah yang keras dan tahan dalam air. Pada amnya buah nipah boleh dimakan, namun tidak semua daripada kita tahun makan buah nipah. Sejak daripada dahulu lagi nipah telah digunakan dengan meluas terutama oleh penduduk-penduduk kampung. Daun pokok nipah boleh digunakan untuk membuat atap dan daun yang muda boleh digunakan untuk membuat daun rokok gulung.

Selain daripada itu ada juga penduduk kampung yang mendapatkan gula daripada pokok nipah. Namun pada masa kini, kesemua aktiviti ini tidak banyak dilakukan lagi kerana kerjanya kotor dan pendapatan sedikit.

## Sago

Sago (*Metroxylon sagu*) adalah spesies palmae yang menyerupai pokok nipah pada waktu muda dan seakan-akan mirip pokok kelapa sawit pada usia matang. Sago banyak digunakan di Sarawak dan di Semenanjung Malaysia, ianya masih asing lagi. Sago berfungsi sebagai penahan hakisan. Ianya biasa didapati di kawasan agak jauh ke daratan daripada tebing sungai. Di Sungai Muar ia terdapat di kawasan hulu sungai. Daun pokok sago boleh digunakan untuk membuat atap. Buah pokok sago boleh dimakan, namun rasanya kurang enak. Di Sarawak , sago adalah salah satu makanan utama, terutama bagi suku kaum Melanau.

## **Nibong**

Nibong atau nama saintifiknya Oncosperma tigillarium, adalah spesies palmae yang tumbuh di kawasan yang lebih kering. Batang dan daun pokok nibong ditumbuh oleh duri-duri yang tajam dan agak panjang. Nibong menghasilkan upih seperti pokok pinang, namun ianya tidak boleh digunakan kerana durinya yang banyak. Ia merupakan tempat burung-burung mencari makan apabila buahnya masak tersendiri. Batang pokok nibong boleh digunakan untuk membuat bangku dan meja. Selain daripada itu para nelayan sering menggunakan batang pokok nibong untuk membuat jeti dan juga kelong.

## **Rotan**

Rotan (Calamus sp.) juga tergolong dalam famili palmae. Di Malaysia, iaanya telah menjadi bahan mentah penting untuk membuat perabot, terutama industri perabot kecil-kecilan. Ia sesuai digunakan untuk membuat kerusi, meja dan berbagai lagi. Rotan juga penting untuk industri kraftangan (untuk membuat alat perhiasan rumah). Namun begitu tidak semua spesies rotan yang ada digunakan untuk membuat barang tersebut. Antara spesies yang paling diminati ialah rotan manau dan rotan sega. Namun begitu, hanya mereka yang mempunyai kemahiran seni sahaja yang boleh membuat perabot dan kraftangan daripada rotan.

## **Ara**

Ara (Ficus sp.) banyak terdapat di kawasan hulu Sungai Muar. Pokok ara ini mempunyai dahan yang tersebar luas dan rendang. Pokok ara menghasilkan buah yang banyak. Ia merupakan tempat burung-burung mencari makan apabila buahnya masak.

## **Fauna**

Walaupun kawasan disepanjang Sungai Muar telah banyak digunakan untuk pertanian atau penempatan, namun masih terdapat hidupan liar yang mendiami kawasan tersebut. Antara spesies hidupan liar yang boleh didapati disini ialah seperti kera, memerang, tupai dan berbagai spesies burung. Untuk melihat kehadiran hidupan liar tersebut ianya banyak bergantung kepada faktor masa dan suasana persekitaran (suasana bising).

Disediakan Oleh :

PERSATUAN PENCINTA ALAM MALAYSIA  
Malaysian Nature Society

